

04 SEP 1998

Abu Zahar-Umno

ANGGOTA UMNO MESTI UTAMAKAN TANGGUNGJAWAB MORAL

KOTA BAHARU, 4 Sept (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Abu Zahar Isnin mengingatkan anggota Umno supaya sentiasa mengutamakan tanggungjawab moral bagi memastikan maruah parti terpelihara.

Beliau berkata, anggota Umno yang mengabaikan tanggungjawab moral itu sehingga menjejaskan imej parti terpaksa disingkirkan.

"Saya tidak menunjukan kepada sesiapa tetapi mengingatkan ahli supaya mempertahankan parti melalui kejituan moral," katanya kepada pemberita selepas melancarkan jentera pilihan raya Umno peringkat Parlimen Peringat di Kampung Chengal, kira-kira 20 km dari sini, petang ini.

Yang turut hadir pada pelancaran itu ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa yang juga Ketua Umno Bahagian Peringat.

Abu Zahar yang juga Ketua Menteri Melaka berkata tanggungjawab moral perlu dipertahankan supaya orang ramai tetap menyukai Umno, sebuah parti yang memperjuangkan nasib bangsa, agama dan negara.

Abu Zahar, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka, berkata badan perhubungan itu menyokong penuh keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Katanya, badan perhubungan itu juga memberi sokongan padu terhadap keputusan Majlis Tertinggi memecat Anwar daripada Umno.

Sehubungan itu, beliau mengharapkan supaya anggota Umno negeri itu bertenang dan berfikiran waras dengan meneruskan perjuangan bagi menentukan Umno terus hidup dan berjuang untuk kepentingan Melayu.

"Pemimpin datang dan pemimpin pergi tetapi Umno sebagai sebuah parti yang kuat, memperjuangkan nasib bangsa, agama dan negara, mesti diteruskan," katanya.

Sementara itu, Annuar turut menyatakan pendirian Badan Perhubungan Umno Kelantan yang memberi sokongan penuh terhadap keputusan Perdana Menteri dan Majlis Tertinggi terhadap Anwar.

"MT sebagai sebuah badan tertinggi dalam parti, tentunya telah mengambil kira kepentingan parti lebih daripada yang lain," katanya.

Beliau berkata, perkembangan terbaru yang belaku dalam Umno itu tidak akan menjejaskan semangat Umno Kelantan untuk terus berjuang menawan semula Kelantan daripada pemerintahan parti Pas.

-- BERNAMA

BD KHY